

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

PDP 479 Amalan-Amalan Pengajaran (Kemanusiaan)

Masa : [3 jam]

-----  
Jawab EMPAT (4) soalan sahaja. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

1. Huraikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia seperti yang terkandung dalam dokumen Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.
2. Pilih DUA (2) daripada perkara berikut dan bincangkan bagaimana ianya dapat membantu seseorang guru dalam proses penyampaian pengajarannya.
  - a. Objektif Khas
  - b. Induksi Set
  - c. Alat Bantu Mengajar
  - d. Penilaian Tak Formal
3. Apakah yang dimaksudkan dengan "Kaedah Inkuiri"? Dengan memilih salah satu tajuk dari matapelajaran pilihan anda, tunjukkan bagaimana anda dapat menggunakan kaedah ini dalam pengajaran anda.
4. Huraikan langkah-langkah dalam menggunakan "kaedah perbincangan" semasa mengajar. Huraian anda perlu disertakan dengan contoh-contoh spesifik.
5. Bincangkan cara-cara bagaimana seseorang guru dapat meningkatkan keberkesanan penyoalannya semasa melaksanakan aktiviti pengajaran-pembelajaran di dalam kelas. Berikan contoh yang spesifik bagi setiap cara yang dibincangkan.

- oooOooo -

